



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
BILANGAN 1/2022**

---

**GARIS PANDUAN DAN TATACARA PEMBATALAN KAWASAN PENEMPATAN  
BERKELOMPOK DI DALAM KAWASAN PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN  
(FELDA) DI BAWAH SEKSYEN 44(1), AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN  
BERKELOMPOK) 1960 [AKTA 530]**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di Negeri Sembilan mengenai garis panduan dan tatacara pembatalan kawasan penempatan berkelompok di dalam Kawasan Pembangunan Persekutuan (FELDA) di bawah seksyen 44(1), Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530].

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Seksyen 44(1), Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri (PBN), boleh melalui pemberitahuan dalam warta mengisytiharkan keseluruhan atau mana-mana bahagian di dalam kawasan penempatan berkelompok supaya tidak lagi menjadi kawasan penempatan berkelompok bagi maksud Akta ini. Walau bagaimanapun perundingan dengan pihak Menteri adalah perlu jika tanah di dalam sesuatu kawasan penempatan berkelompok itu termasuk di dalam Kawasan Pembangunan Persekutuan.

- 2.2. Mengikut seksyen 2, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530], "Menteri" ditakrifkan sebagai menteri yang ditugaskan dengan tanggungjawab terhadap Lembaga Kemajuan kecuali bagi maksud subseksyen 44(1) di para 2.1 di atas, "Menteri" ertinya Menteri yang ditugaskan dengan tanggungjawab yang berkenaan dengannya jika diberitahu sedemikian melalui perintah yang dibuat oleh Yang Di Pertuan Agong di bawah Akta Tugas-Tugas Menteri 1969. Manakala "Kawasan Pembangunan Persekutuan" bermaksud sesuatu kawasan penempatan berkelompok yang diisytiharkan di bawah seksyen 4 bagi maksud subseksyen 34(2).
- 2.3. Subseksyen 34(2) memperkatakan tentang perletakhakkan tanah kepada Pihak Berkuasa Pembangunan apabila Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan di bawah seksyen 4 bahawa kawasan tersebut akan dimajukan olehnya. Pihak Berkuasa Pembangunan ditakrifkan dalam seksyen 2 sebagai Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang ditubuhkan di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956 [Akta 476].
- 2.4. Sebelum ini, di bawah Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No.2) 2013 [(P.U.(A) 184/2013], yang dibuat menurut Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969, pengawalseliaan ke atas FELDA diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Manakala Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Oleh itu penamatan kawasan penempatan berkelompok sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi kawasan yang dimajukan oleh FELDA hanya dibuat selepas rundingan dijalankan dengan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.
- 2.5. Walau bagaimanapun berdasarkan Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan [(P.U.(A) 383] bertarikh 8 Oktober 2021, pengawalseliaan ke atas FELDA dan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sehubungan dengan itu, permohonan penamatan kawasan

penempatan berkelompok (GSA) oleh PBN samada keseluruhan atau sebahagian daripadanya hanya dibuat selepas rundingan PBN bersama YAB Perdana Menteri selaku Menteri yang bertanggungjawab terhadap FELDA dan Akta 530.

### 3. PELAKSANAAN

- 3.1. Pentadbir Tanah apabila menerima permohonan untuk menamatkan kawasan penempatan berkelompok di bawah seksyen 44(1), Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] hendaklah memastikan pemohon mengemukakan **6 salinan pelan kawasan** yang akan ditamatkan daripada kawasan penempatan berkelompok dengan ditanda merah sempadannya dan **6 salinan pelan pra-hitungan** (*pre-comp plan*) kawasan yang hendak ditamatkan yang disediakan oleh Jurukur Tanah Berlesen. Pentadbir tanah hendaklah membuat siasatan tanah dan juga mendapatkan ulasan daripada Jabatan Pengurusan Tanah, Ibu Pejabat FELDA.
- 3.2. Pentadbir Tanah akan menyediakan draf kertas pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) dan dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian (PTG) untuk disemak dan seterusnya diangkat untuk pertimbangan dan keputusan PBN.
- 3.3. Setelah mendapat kelulusan PBN, Pentadbir Tanah hendaklah mengemukakan permohonan penamatan tersebut kepada **Bahagian Kawal Selia FELDA, Jabatan Perdana Menteri** untuk pertimbangan dan kelulusan **YAB. Perdana Menteri**. Maklumat dan dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:
  - i. Tujuan/justifikasi pembatalan/penamatan;
  - ii. Warta kawasan penempatan berkelompok yang menunjukkan peruntukan undang-undang bagi pewartaannya, tarikh warta dan luas keseluruhan kawasan yang diwartakan;
  - iii. Pelan warta kawasan penempatan berkelompok;

- iv. Pelan kawasan yang akan ditamatkan daripada kawasan penempatan berkelompok dengan ditanda merah sempadannya;
- v. Pelan pra-hitungan (*pre-comp plan*) kawasan yang akan ditamatkan daripada kawasan penempatan berkelompok dengan ditanda merah sempadannya;
- vi. Surat persetujuan daripada Jabatan Pengurusan Tanah, Ibu Pejabat FELDA; dan
- vii. Salinan cabutan keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.


3.4. Setelah kelulusan YAB. Perdana Menteri, Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan untuk mewartakan pembatalan tersebut.

3.5. Carta alir proses kerja permohonan untuk menamatkan kawasan penempatan berkelompok di dalam Kawasan Pembangunan Persekutuan (FELDA) di bawah seksyen 44(1), Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] seperti di **Lampiran A**.

#### 4. TARIKH KUATKUASA

4.1. Pekeliling PTGNS Bil 2/2017 adalah dengan ini dibatalkan.

4.2. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



( DATO' HAJI ISHAK BIN MD NAPIS )

Pengarah Tanah dan Galian  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tarikh : 28 Januari 2022  
Rujukan : Bil (9) dlm.PTGNS 10/14 klt.5

**CARTA ALIR**

**GARIS PANDUAN DAN TATACARA PEMBATALAN KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK DI DALAM KAWASAN PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN (FELDA) DI BAWAH 44(1), AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960 [AKTA 530]**

